

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di
dalam Presidensi Utama



Habis dengan Obor Kamu Masih Bernyala

Pada zaman purba Greece, para pelari bertanding dalam satu perlumbaan berganti-ganti yang dipanggil satu *lampadedromia*.¹ Dalam perlumbaan itu, para pelari memegang satu obor dan hantar kepada pelari selepas mereka sehingga ahli pasukan terakhir mereka sampai ke garisan penamat.

Pasukan yang paling cepat tidak menerima hadiah—hadiah dianugerahkan kepada pasukan pertama yang habis dengan obor mereka masih bernyala.

Ini satu pengajaran yang penting, yang diajar oleh para nabi zaman purba dan para nabi zaman moden: walaupun permulaan satu perlumbaan adalah penting, tetapi adalah lebih penting untuk habis dengan obor kita masih bernyala.

Salomo Mula Dengan Kuat

Raja Salomo ialah satu contoh seorang yang bermula dengan kuat. Semasa dia muda, dia “mengasihi Tuhan dan menurut nasihat Raja Daud, ayahandanya” (1 Raja-Raja 3:3). Tuhan bergembira terhadap dia dan berfirman, “Apakah yang engkau ingin Aku berikan kepadamu?” (1 Raja-Raja 3:5).

Raja Salomo tidak minta kekayaan atau hidup panjang, dia mintakan “kebijaksanaan yang aku perlukan untuk memerintah umat-Mu dengan adil, dan supaya aku tahu membezakan yang baik daripada yang jahat” (1 Raja-Raja 3:9).

Ini menggembirakan Tuhan dan Dia memberkati Salomo dengan kebijaksanaan dan juga kekayaan yang besar dan satu hidup yang panjang.

Walaupun Salomo sangat bijaksana dan melakukan banyak perkara baik, dia tidak habis dengan kuat. Malangnya, pada masa dia lebih tua, “Raja Salomo berdosa terhadap Tuhan” (1 Raja-Raja 11:6).

Habis Perlumbaan Kita

Berapa kali sudah kita mulakan sesuatu tetapi tidak habiskan perkara itu? Diet? Program senaman? Komitmen untuk membaca kitab suci setiap hari? Komitmen untuk menjadi pengikut Yesus Kristus yang lebih baik?

Berapa kali kita buat resolusi pada bulan Januari dan bekerja dengan tekad yang kuat buat beberapa hari, beberapa minggu, mahupun beberapa bulan, tetapi nyala komitmen kita menjadi abu sejuk pada bulan Oktober?

Suatu hari saya ternampak satu gambar seekor anjing berbaring di sebelah sekeping kertas yang sudah ia koyak. Kertas itu bertulis, “Latihan Kepatuhan Anjing.”

Kadang-kala, kita seperti itu.

Kita ada niat yang baik; kita mula dengan kuat; kita ingin mencapai kejayaan. Tetapi pada akhirnya kita tinggalkan, buang dan lupakan resolusi kita.

Sifat manusia hendak perlahankan, gagalkan, dan kadang-kala tinggalkan perlumbaan. Tetapi sebagai pengikut

Yesus Kristus, kita sudah buat komitmen tidak hanya untuk memulakan perlumbaan tetapi juga habiskan ia—dan habis dengan obor kita masih bernyala dengan terang. Juruselamat janjikan para pengikut-Nya, “Tetapi sesiapa yang bertahan sehingga akhir akan diselamatkan” (Matius 24:13).

Sila biarkan saya memparafrasakan perjanjian Juruselamat untuk hari ini: Jika kita mematuhi perintah-perintah-Nya dan habis dengan obor kita masih bernyala, kita akan memperoleh kehidupan abadi, iaitu kurnia terbesar Tuhan (lihat A&P 14:7, juga lihat 2 Nefi 31:20).

Cahaya Yang Tidak Akan Padam

Selepas dicuba, gagal, mahupun mengaku kalah, kita menjadi patah hati dan percaya bahawa cahaya kita sudah padam dan kita sudah gagal dalam perlumbaan. Saya bersaksi bahawa Cahaya Kristus tidak boleh dipadamkan. Ia bersinar dalam malam yang paling gelap dan akan menyalakan hati kita jika kita berpaling kepada Dia (lihat 1 Raja-Raja 8:58).

Tidak kira betapa besar kegagalan kita, cahaya Kristus tetap bernyala dengan terang. Mahupun pada malam yang gelap, jika kita menghadapi Dia, cahaya-Nya akan menghapuskan bayang dan menyalakan jiwa kita.

Perlumbaan penganutan bukan satu pecutan; ia satu maraton. Tidak penting betapa cepat kita lari. Sebenarnya, kita hanya kalah jika kita mengaku kalah atau menyerah diri.

Jika kita terus berkembang dan bergerak terhadap Juruselamat kita, kita menang dengan obor kita bernyala terang.

Obor itu bukan tentang kita atau perkara yang kita lakukan.

Ia tentang Juruselamat dunia ini.

Dan Cahaya itu tidak boleh dipadamkan. Cahaya itu menyerap kegelapan, menyembuhkan kelukaan kita, dan bernyala mahupun di tengah-tengah kedukaan dan kegelapan yang hebat.

Ia satu Cahaya yang melebihi pemahaman.

Semoga setiap orang habiskan perjalanan yang sudah kita mula. Dengan bantuan Juruselamat dan Penebus kita, Yesus Kristus, kita akan habis dengan kegembiraan dan obor kita akan masih bernyala.

NOTA

1. *Harpers Dictionary of Classical Antiquities* (1898), “Lampadedromia,” www.perseus.tufts.edu/hopper. Pausanias menghuraikan satu perlumbaan obor di mana pemegang obor, mungkin seorang dari setiap bangsa, tidak lepaskan obor mereka. Tetapi dalam *lampadedromia*, pasukan yang menang ialah pasukan yang sampai ke ketamatan dengan obor masih bernyala.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Bertimbang untuk menggalakkan orang kamu ajari untuk merenungkan di manakah tempat mereka dalam “perlumbaan” hidup. Adakah obor mereka masih bernyala dengan terang? Kamu boleh baca ayat yang menghuraikan bahawa Cahaya Kristus ialah “cahaya yang menyerap kegelapan, menyembuhkan kelukaan kita, dan bernyala mahupun di tengah-tengah kedukaan dan kegelapan yang hebat.” Kemudian bertimbang untuk berbincang bersama orang yang kamu ajar bagaimana Cahaya Kristus sudah mempengaruhi kehidupan mereka dan bagaimana ia mempengaruhi kehidupan mereka sekarang.

REMAJA

Memarakan Obor Kamu : Percubaan 30 Hari

Bagi para remaja Gereja yang sibuk, mereka senang diikat oleh jadual, terutamanya mengenai perihal rohani. Kita membaca kitab suci, berdoa, dan menyembah dengan cara yang sama setiap hari dan kita menanya mengapa kita tidak berkembang secara rohani.

Salah satu cara paling baik untuk memastikan obor rohani kamu terus bernyala dengan terang adalah untuk memastikan bahawa kamu mengalami pengalaman rohani yang bererti. Tetapi ini bukan satu perkara yang senang, ini ialah satu cadangan untuk menolong kamu untuk terus berkembang secara rohani: Fikirkan satu kegiatan yang berhubung dengan Injil yang tidak pernah kamu lakukan (atau tidak selalu lakukan) dan bertekad untuk melakukan perkara itu setiap hari buat satu bulan. Kamu boleh bermula dengan perkara yang kecil kerana adalah lebih senang untuk membuat perubahan yang kecil kepada yang bertahan lama. Mungkin melakukan kegiatan rohani yang susah bagi kita memerlukan iman dan usaha yang lebih besar, tetapi apabila kita lakukan perkara itu, kita menjemput Roh Kudus bersama kita, dan kita tunjukkan iman yang lebih besar kepada Bapa Syurgawi dan satu niat untuk mendekati Dia. Ini adalah beberapa idea untuk bermula:

- Buat satu matlamat untuk mengucapkan doa setiap pagi dan malam. Cuba berdoa dengan bersuara.

- Bangun 15 minit lebih awal dan baca kitab suci sebelum sekolah.
- Baca ucapan-ucapan persidangan umum lepas.
- Pos ayat suci dari Kitab Mormon pada media sosial.
- Dengar lagu rohani atau muzik Gereja untuk menggantikan muzik biasa.

KANAK-KANAK

Memarakkan Obor Kamu

Lama dahulu di Greece, ada satu perlumbaan di mana para pelari memegang obor yang bernyala. Sesiapa yang habiskan perlumbaan itu dengan obor mereka masih bernyala menang. Presiden Uchtdorf kata hidup adalah seperti perlumbaan itu. Obor yang kita pegang ialah Cahaya Kristus. Apabila kita cuba menjadi seperti Yesus Kristus, kita membuat obor kita membakar lebih terang.

Apakah yang boleh kamu lakukan untuk menjadi seperti Yesus dan buat obor kamu lebih terang? Pilih dari berikut:

- Senyum atau mengucap hai kepada orang yang nampaknya sunyi
- Menjadi marah dengan seseorang
- Menjaga tubuh badan kamu
- Mengejek saudara saudari kamu
- Mematuhi nabi
- Mengaku kalah apabila kamu buat satu kesilapan
- Menolong orang lain

© 2015 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di Amerika Syarikat. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/15. Kelulusan penterjemahan: 6/15. Penterjemahan *First Presidency Message, October 2015*. Malay. 12590 348



Sifat-sifat Ilahi Yesus Kristus: Penuh dengan Ihsan dan Kasih Sayang

Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimanakah pemahaman tentang sifat-sifat ilahi Juruselamat akan meningkatkan iman kamu kepada-Nya dan memberkati mereka yang kamu awasi melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian siri Pesanan Pengajaran Berkunjung tentang sifat-sifat ilahi Juruselamat.

Panduan kepada Kitab Suci menguraikan ihsan sebagai “kasih sayang yang terbesar, terhormat, paling kuat” (“Ihsan”). Ia adalah kasih sayang murni Yesus Kristus. Apabila kita belajar tentang Yesus Kristus dan berusaha untuk menjadi seperti Dia, kita akan mula merasa kasih sayang murni-Nya dalam hidup kita dan akan dipengaruhi untuk menyayangi dan melayan orang lain seperti Dia. “Ihsan adalah mempunyai kesabaran dengan seseorang yang mengecewakan kita,” kata Presiden Thomas S. Monson. “Ia adalah untuk menahan dorongan untuk mudah tersinggung. Ia adalah untuk menerima kelemahan dan kekurangan. Ia adalah menerima orang lain kerana diri mereka sendiri. Ia adalah tidak mementingkan penampilan fizikal tetapi sifat-sifat yang akan bertahan. Ia adalah menahan dorongan untuk mengkatégorikan orang lain.”¹

Dalam Kitab Mormon, kita belajar kebenaran bahawa kita “berdoalah kepada Bapa dengan sekuat tenaga hati, agar [kita] boleh dipenuhi dengan kasih ini, yang telah Dia

berikan kepada semua yang merupakan pengikut sejati Putera-Nya, Yesus Kristus; agar [kita] boleh menjadi anak-anak lelaki [dan perempuan] Tuhan; agar apabila Dia akan memperlihatkan diri-Nya kita akan kelihatan seperti Dia, kerana kita akan melihat-Nya sebagaimana Dia adanya; agar kita boleh memiliki harapan ini; agar kita boleh disucikan bahkan seperti Dia yang adalah suci” (Moroni 7:48).

Ayat-ayat Suci Tambahan

Yohanes 13:34-35; 1 Korintus 13:1-13; 1 Nefi 11:21-23; Eter 12:33-34

Dari Sejarah Kita

“Seorang saudari yang baru-baru menjadi balu bersyukur kepada pengajar-pengajar berkunjungnya yang berdukacita bersama dia dan menghiburkan dia. Dia tulis: ‘Saya perlukan seorang rakan; seorang yang akan dengar cerita saya. . . . Dan mereka dengar. Mereka menghiburkan saya. Mereka menangis bersama saya. Dan mereka memeluk saya . . . [dan] menolong saya apabila saya berputus asa dan berdukacita semasa waktu kesunyian.

“Seorang saudari meringkaskan perasaannya apabila dia menerima

ihsan murni dari pengajar berkunjungnya: ‘Saya tahu saya bukan satu nombor dalam buku rekodnya sahaja. Saya tahu dia mengambil berat tentang saya.’”²

Seperti para saudari ini, ramai Orang Suci Zaman Akhir di seluruh dunia boleh bersaksi tentang kebenaran kenyataan oleh Presiden Boyd K. Packer (1924-2015), Presiden Kuorum Dua Belas Rasul: “Betapa senang hati untuk mengetahui bahawa ke mana pun [satu keluarga] pergi, mereka akan disambut oleh satu keluarga Gereja. Semenjak hari mereka sampai, seorang lelaki akan menjadi sebahagian kuorum imamat dan seorang perempuan menjadi sebahagian Lembaga Pertolongan.”³

NOTA

1. Thomas S. Monson, “Charity Never Faileth,” *Liahona*, Nov. 2010, 124.
2. *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 119-120.
3. *Daughters in My Kingdom* 87.

Timbangkan Ini

Bagaimanakah Yesus menjadi contoh yang sempurna kasih sayang dan ihsan?